

RINGKASAN SPESIFIKASI
UNTUK

**KERJA-KERJA MEMBINA SEBUAH PUSAT PENETASAN (HATCHERY) BAGI
PROJEK PENTERNAKAN AYAM PIRU PEMBAKA (PS)
DI IBU PEJABAT JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR NEGERI PULAU PINANG**

Mempunyai ciri-ciri berikut:-

LOKASI PEMBINAAN	Ibu Pejabat Jabatan Perkhidmatan Veterinar Pulau Pinang Bukit Tengah, 14000 Bukit Mertajam, Pulau Pinang.
-------------------------	---

BIL	ITEM / SPESIFIKASI	HARGA / UNIT	HARGA KESELURUHAN
1	Kerja – Kerja Awalan yang melibatkan ; 1. Insurans Kerja 2. Sambungan sementara untuk air dan elektrik 3. Dinding Penghadang Sementara		
2	Kerja – Kerja Pembersihan Kawasan serta Kerja Tanah ; 1. Membersih keseluruhan tapak pembinaan dengan mengeluarkan segala halangan yang terdapat diatasnya seperti pokok, batu-batuan dan sebagainya. 2. Kerja-kerja pengorekan dan menimbun bagi mendapatkan aras yang sama bagi penyediaan tapak bagi pembinaan bangunan baru.		
3	Kerja – Kerja Struktur Tanah ; 1. Pembinaan kerja-kerja struktur bawah tanah seperti asas rakit, rasuk tanah, lantai konkrit termasuk semburan racun perosak untuk keseluruhan bahagian bawah bangunan.		

4	Kerja – Kerja Pembinaan Pusat Penetasan yang berkeluasan 45 kaki panjang x 25 kaki lebar x 10 kaki tinggi dari aras lantai ke siling dengan keperluan yang dibutirkan seperti di bawah serta merujuk kepada pelan bangunan yang disertakan bersama ;		
4.1	Kerja – Kerja Asas Bangunan Meliputi ; 1. Kerja-kerja struktur bangunan yang meliputi pembinaan tiang konkrit, rasuk bumbung serta segala kerja berkaitan mengikut spesifikasi dan kelulusan Pegawai Penguasa. 2. Kerja-kerja kerangka bumbung dan kemas bumbung meliputi kerja-kerja pemasangan struktur bumbung menggunakan keluli termasuk plet besi sebagai pelapik, bumbung jenis 'A' menggunakan kemas bumbung dek logam (metal deck) yang terdiri dari dek logam lengkap dengan penebat dan kemas di dua-dua belah, talang hujan diperbuat dari PU dan lain-lain kerja berkaitan mengikut spesifikasi. 3. Kerja dinding batu bata dengan pembinaan dinding batu bata 115mm lengkap dengan lapisan exmet di setiap lapisan bata keempat mengikut spesifikasi. 4. Kemas dinding dengan lepaan simen setebal 19mm di kedua-dua belah dinding serta dinding luar dicat dengan lapisan asas serta 2 lapisan cat rintangan cuaca, sementara dinding bahagian dalam dicat dengan lapisan asas serta 2 lapisan cat emulsi. 5. Kemas siling dengan pembinaan siling gantung tetap menggunakan kerangka kayu serta kepingan gypsium dan dikemaskan dengan lapisan cat berketinggian 10 kaki dari aras lantai. 6. Kerja-kerja binaan longkang di sekeliling pusat penetasan dan dihubungkan dengan longkang utama. 7. Kerja-kerja konkrit lantai dengan ketinggian 1 kaki simen konkrit 1:2:4 dengan kemas mengikut jenis ruang / bilik yang diperincikan di bawah dengan kemas lantai keseluruhan menggunakan 'epoxy paint'.		

4.2	Kerja-kerja membina ruang produksi berkeluasan 45 kaki panjang x 25 kaki lebar dengan pecahan dinding ruang/bilik menggunakan <i>partition board</i> seperti berikut ; i. Ruang Penerimaan Telur berkeluasan 15 kaki panjang x 25 kaki lebar dengan bahagian depan dilengkapi dengan tingkap jenis 'nako' serta cermin. Dibina satu kaunter dengan binaan konkrit berukuran 5 kaki panjang x 5 kaki lebar dengan ketinggian 3 kaki dari aras lantai berserta dengan kemasan jenis mozek (tile). Bilik Fumigasi dan Bilik Simpanan Telur dibina di dalam ruang tersebut seperti berikut ; (a) Bilik Fumigasi "<i>Fumigation Room</i>" berkeluasan 10 kaki panjang x 8 kaki lebar diperbuat dengan dinding batu bata serta kemasan lepaan simen. (b) Bilik Simpanan Telur berkeluasan 10 kaki panjang x 10 kaki lebar diperbuat dengan dinding batu bata serta lepaan simen. ii. Ruang Eraman berkeluasan 10 kaki panjang x 20 kaki lebar dengan bahagian depan dilengkapi dengan tingkap jenis 'nako' serta cermin. Dibina sebuah longkang di bahagian tengah untuk aliran air keluar dari bangunan siap dengan pelapik longkang yang diperbuat daripada besi. iii. Ruang Tetasan berkeluasan 10 kaki panjang x 20 kaki lebar dengan bahagian depan dilengkapi dengan tingkap jenis 'nako' serta cermin. Dibina sebuah longkang di bahagian tengah untuk aliran air keluar dari bangunan siap dengan pelapik longkang yang diperbuat daripada besi. iv. Ruang Pengredan & Jualan berkeluasan 10 kaki panjang x 20 kaki lebar. v. Koridor berkeluasan 30 kaki panjang x 5 kaki lebar bagi mewujudkan ruang pejalan kaki dengan pemasangan dinding jenis '<i>half glass partition board</i>' bagi memisahkan koridor dengan Ruang Eraman, Ruang Tetasan serta Ruang Pengredan & Jualan.		
-----	---	--	--

5	Membekal dan memasang pintu – pintu berikut dengan semua kelengkapan dan kemasan mengikut spesifikasi dengan 'lintol' ; 1. Pintu <i>Half Glass Partition</i> (2 daun pintu) - 2 2. Pintu <i>Half Glass Partition</i> (1 daun pintu) – 1 3. Pintu Kayu Keras - 3 4. Roller Shutter – 5 kaki panjang x 5 kaki tinggi dari aras meja pada kaunter di Ruang Penerimaan Telur. 5. Roller Shutter – 7 kaki panjang x 8 kaki tinggi pada Ruang Pengredan & Jualan 6. Pemasangan tirai plastik bagi bukaan yang menghubungkan antara Ruang Eraman dengan Ruang Tetasan, pada pintu Bilik Simpanan Telur dan pada pintu Bilik Fumigasi '<i>Fumigation Room</i>'.		
6	Kerja-kerja Elektrik i. Kerja-kerja elektrikal melibatkan pendawaian elektrik, perkakasan, papan suis dan segala keperluan yang diperlukan mengikut spesifikasi yang ditetapkan. ii. Lima Belas (15) unit lampu kalimantang lengkap dengan pendawaian. iii. Lima Belas (15) Soket Point Plug lengkap dengan pendawaian.		
7	Kerja-Kerja Membekal & Memasang Penghawa Dingin ; i. Dua (2) unit penghawa dingin 1.0 kuasa kuda lengkap dengan pendawaian. ii. Satu (1) unit penghawa dingin 1.5 kuasa kuda lengkap dengan pendawaian.		
8	Penyambungan Meter Bekalan Air & Bekalan Elektrik ; i. Meter Bekalan Elektrik ii. Meter Bekalan Air		

9	Membekal dan Memasang Awning ; i. Satu (1) unit awning berukuran 10 kaki panjang x 5 kaki lebar bagi pemasangan di hadapan pintu di Ruang Pengredan & Jualan. ii. Dua (2) unit awning berukuran 6 kaki panjang x 5 kaki lebar bagi pemasangan di hadapan pintu masuk ke ke kawasan Koridor serta pada Kaunter Penerimaan.		
10	Membekal Peralatan Bagi Kegunaan Pusat Penetasan ; i. Satu (1) buah kebuk wasap (<i>fumigation chamber</i>) yang diperbuat daripada kayu padat bertujuan mampu menghalang gas fumigasi keluar daripada kebuk tersebut berukuran 6 kaki panjang x 4 kaki lebar x 4 kaki tinggi. Kebuk mempunyai kaki berketinggian 1 kaki dari aras lantai. Mempunyai dua (2) tingkat dimana tingkat kedua lantai diperbuat daripada BRC Stainless Steel. Mempunyai cerobong udara yang dihubungkan dengan exhaust fan untuk menarik keluar gas fumigasi dari kebuk wasap keluar dari pusat penetasan – Rujuk pada gambar yang dilampirkan bersama ii. Satu (1) unit one-eye electric cooker bagi kegunaan fumigasi. iii. Satu (1) unit sinki dengan pili paip berserta sistem perpaipan dipasang di Ruang Penerimaan Telur. iv. Dua (2) unit pili paip air berserta sistem perpaipan dipasang di Ruang Eraman dan Ruang Tetasan.		